

RMK-9 mulakan kembara panjang Pak Lah

Dari Dewan Rakyat penjelajahan Perdana Menteri berterusan ke seluruh pelosok negara



BERBANDING hari-hari sebelumnya, pagi semalam dirasakan amat berbeza oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sejurus selesai menatap akhbar harian di meja sarapan, Perdana Menteri yang khabarnya disuntik semangat baru hasil pelbagai reaksi positif terhadap misi nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dibentangkannya di Dewan Rakyat petang kelmarin, enggan berlengah untuk mengorak langkah.

Dimulai dengan panggilan telefon kepada beberapa pegawainya untuk bertanya apa yang mereka dengar atau baca, Pak Lah seakan-akan melaungkan kepada mereka: "Masih terlalu banyak kerja yang perlu dilakukan... dan ia harus bermula dari detik ini."

Hanya Tuhan yang tahu apa yang bermain-main di dalam minda Pak Lah dan bagaimanakah semua yang direncanakan dalam pelan jangka panjangnya itu harus bermula.

Kebetulan satu-satunya jadual rasminya semalam ialah menghadiri Majlis Opera Gala Night di Istana Budaya, Kuala Lumpur sedangkan RMK-9 pula jauh daripada menyerupai sebuah pementasan melainkan ia menuntut pelaksanaan terancang.

"Ya... beliau lebih bersemangat dan mahu segera membuat permulaan," kata seorang pegawai Pejabat Perdana Menteri. "Anggota keluarga yang menasihatkan supaya beliau mengambil sekurang-kurangnya satu hari rehat... sesuatu yang amat diperlukannya."

Kepada staf di pejabatnya, wujud

“Draf akhir ucapan hanya diserahkan kepadanya pada malam Khamis dan kami dapati beliau masih membuat pindaan sendiri pada sesetengah bahagian”

semacam suatu perubahan ketara pada diri Perdana Menteri akhir-akhir ini.

Bukan saja Pak Lah dilihat semakin tidak sabar atau enggan langsung bertanggung dalam memulakan sesuatu gerak kerja, malah turut tidak berselindung dalam memperagakan kesegeraannya demi keinginan melihat apa yang terlakar di atas kertas, benar-benar terlaksana.

RMK-9 adalah pelan terbesarnya setakat ini dan tidak hairanlah pembentangkannya selama kira-kira 1 jam 45 minit di Dewan Rakyat kelmarin, disudahi dengan sedu-sedan.

Tuhan jugalah yang tahu apakah yang dibisikkan Pak Lah kepada timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, sejurus selesai pembentangkannya hingga membuat kedua-duanya tersenyum lebar.

Dalam pada itu, pegawai-pegawainya lebih dulu dilanda kebimbangan. Bimbang kerana Perdana Menteri dirasakan terlalu banyak membuat janji sepanjang kira-kira tiga bulan lalu hanya untuk memuncakkan harapan ramai terhadap RMK-9.

Benarlah, RMK-9 bukan hasil perancangan Pak Lah bersendirian. Mana mungkin segala-gala yang diusulkan dalam laporan setebal lebih 500 muka surat serta ucapan yang mengisi ruang sehingga 40 halaman,

adalah hasil ilhamnya seorang.

Sebagaimana dilaporkan, suatu 'blueprint' selengkap itu memerlukan lebih setahun dan ratusan mesyuarat untuk dilengkapkan sejak satu pekeliling dikeluarkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, bagi memulakan perancangan RMK-9 seawal Oktober 2004.

Selama dua bulan berikutnya, Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) yang terdiri daripada pegawai kanan pelbagai kementerian dan agensi sibuk menghimpun cadangan untuk seterusnya dimajukan kepada pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Kewangan melakar rangka awal.

Dari situ, perbincangan dipanjangkan pula kepada kumpulan kerja teknikal yang selain pegawai kanan kementerian dan agensi, turut merangkumi akademia, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Ini disusuli rentetan seminar yang dianjurkan kerajaan – sesetengahnya dihadiri Perdana Menteri – bersama badan korporat dan NGO sebagai memberi input tambahan kepada EPU untuk menilai kejayaan sesetengah projek terdahulu selain mencerna strategi baru.

Ia memerlukan berbulan-bulan lagi sebelum draf pertama RMK-9 dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Kebangsaan. Hanya sesudah diperhalusi, diperbaiki dan dimantapkan, Kabinet mengambil alih untuk draf berkenaan diperinci dan diluluskan.

Seperti yang pernah dinyatakan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop, kepada sekumpulan editor kanan akhbar baru-baru ini, usul RMK-9 yang dibentangkan di Parlimen kelmarin barangkali adalah draf ke-11 atau ke-12 selepas melalui pelbagai semakan dan pindaan.

Di sebalik semua itu, sesuatu ran-

cangan lima tahun seperti itu sebagaimana lazimnya dikaitkan dengan Perdana Menteri. Lantaran itu, RMK-9 akan sentiasa terpahat sebagai rancangan Abdullah Ahmad Badawi.

Seharusnya demikian.

Malah, usul pembentangkannya di Dewan Rakyat kelmarin tidak diserahkan bulat-bulat kepada sekumpulan penulis ucapannya sekalipun ia didasarkan kepada apa yang tersaji di dalam buku laporan penuh RMK-9.

"Pak Lah meneliti setiap baris daripada ucapannya. Di mana-mana yang dirasakannya kurang sedap, beliau akan bertanya bagaimana ia boleh diperbaiki. Tidak kira pada tengah malam pun, beliau akan menelefon untuk perubahan dibuat.

"Draf akhir ucapan hanya diserahkan kepadanya pada malam Khamis dan kami dapati beliau masih membuat pindaan sendiri pada sesetengah bahagian di antara malam Khamis dan tengah hari Jumaat," kata seorang pegawai.

Sub-topik 'mempertingkatkan sistem pembekalan air dan menangani banjir' dalam ucapan itu yang antara lain menyaksikan Perdana Menteri meluahkan kekecewaan terhadap apa yang sedang berlaku kepada sumber air di negara ini, adalah nukilannya sendiri. Begitu juga kesimpulan ucapannya yang disudahi dengan doa yang menyentuh perasaan.

Malah, laporan penuh RMK-9 turut dipersembahkan dengan cara berbeza – jauh berlawanan dengan draf pertama yang sampai ke tangannya.

Hasil tuntutan Pak Lah sendiri, sebahagian besar laporan berkenaan terpaksa disusun semula, dengan dua bab pertamanya ditampilkan sebagai ringkasan eksekutif kepada keseluruhan yang dicadangkan.

Pujian sewajarnya dirakamkan

kepada EPU dan pegawai yang terlibat kerana di sebalik tanggapan bahawa kakitangan kerajaan sukar untuk menerima perubahan, pembentangan RMK-9 menyerlahkan mereka juga berupaya berganjak mengikut peredaran zaman.

Dimulai dengan perbincangan pada sidang Dewan Rakyat esok, Perdana Menteri seterusnya boleh dijangka akan memulakan satu penjelajahan.

Selama lebih tiga bulan berikut, Pak Lah akan turun padang, didahului dengan lawatan ke Perlis, 10 April ini, untuk memperjelaskan kepada rakyat perancangan dalam RMK-9 sambil meninjau sendiri pelbagai projek yang dicadangkan.

Tiada negeri yang akan tertinggal, tiada wilayah yang akan dianggap terlalu terpencil dalam merealisasikan satu misi nasional yang menghasratkan kualiti hidup rakyat dapat terus dipertingkatkan.

Perdana Menteri mahu mendengar sendiri daripada kumpulan sasaran bagaimana rancangan sebesar ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dengan tujuan memanfaatkan mereka.

Akan ada banyak sesi taklimat yang boleh dijangka, seharusnya banyak juga sesi dialog akan dianjurkan untuk mendengar maklum balas.

RMK-9 tidak hanya menuntut kepada perancangan komprehensif di atas kertas atau ucapan yang menyemarakkan harapan selama hampir dua jam.

Lebih daripada itu, RMK-9 bukan juga sekadar impian kerajaan melainkan ia menuntut pembabitatan rakyat untuk menyumbang ke arah kejayaannya.

Sewajarnya juga ketidaksabaran Pak Lah dalam memulakan gerak kerja ke arah melestarikan suatu impian besar turut berbalas dengan cara sebaik-baiknya.

“Pak Lah meneliti setiap baris daripada ucapannya. Di mana-mana yang dirasakannya kurang sedap, beliau akan bertanya bagaimana ia boleh diperbaiki. Tidak kira pada tengah malam pun, beliau akan menelefon untuk perubahan dibuat”

Pegawai

BH - 2/4/2006